

PRIVACY POLICY

Your privacy is important to us here at PWF. This Privacy Policy explains how we collect, use, and disclose your personal data. In this Privacy Policy, kindly note that references to “we”, “us”, “our” and “PWF” are references to Pacific West Foods (M) Sdn Bhd; its employees; and any entity controlled by, under common control with, or controlling PWF; and references to our “affiliates” are references to the partners, agents, service providers, and contractors of PWF.

The types of personal data we collect from you

The type of personal data which we collect from you may vary depending on the nature of our relationship. The personal data that we may be collecting from you can include your:

- Name
- National registration identity card number
- Nationality
- Race
- Birth date
- Age
- Gender
- Marital status
- Residential address
- Telephone number
- E-mail address
- Social media account details, or the details of any account you may have with any website or mobile application
- Geographic location
- Computer’s internet protocol address and any other identifying information of any computer and/or mobile device which you use to interact with us
- Financial details including your bank account details;
- Any record of your participation in any events and/or programmes organized or facilitated by us
- Social security information and tax information
- Your religious beliefs
- Political affiliations
- Memberships with any organisations
- Criminal record or any record of you being the subject of any investigations, claims, or sanctions
- Educational history and educational and professional qualifications
- Past and current employment
- Information relating to your ownership of or equity in any companies
- Medical information including your physical and mental condition
- Biometric information
- Video footage and pictures of you

We may also collect from you the aforementioned personal data relating to persons connected to you, such as your family, friends and colleagues. Where you are providing us with the personal data of such persons, please ensure that they have read this Privacy Policy.

The purposes of processing your personal data

PWF uses your personal data principally:

- To provide to you or offer to you information, assistance, products, and/or services, for example, events and programmes.
- Use your personal data for purposes such as to assess any application or request that you submit to us
- To verify your financial standing including to conduct risk and credit checks
- To assess your experience, qualifications, and background and/or to enable our affiliates to make the same assessments;
- To enable our affiliates to provide to you or offer to you information, assistance, events, programmes, products, and/or services
- To maintain our records and files;
- In the course of performing our contractual obligations or enforcing our contractual rights provided for under any contract we have with you or with other parties; to seek your views and to obtain your feedback
- To notify you of events, programmes, and opportunities which may be of interest or benefit to you
- To generate data, statistics, models, and reports for our internal use and/or for disclosure to our affiliates, government entities, and/or to any relevant regulatory authority
- To prevent fraud or crime or to assist the authorities in their investigations
- For purposes relating to security
- As part of any legal proceedings
- To comply with any applicable laws, guidelines, or directives
- To perform any function provided for under the law or pursuant to any relevant regulatory authority.

The sources of your personal data

PWF collects your personal data through the various means which we engage with you.

- When we meet with you or speak with you over the phone
- Through forms and surveys or when you sign-up or register for an event or programme
- When you join our mailing lists, email lists, or messaging lists
- When you provide us with details in order for us to notify you of any event, programme, product, and/or services
- Via e-mails, short messaging service (or any other analogous form of messaging), mobile applications, social media channels, blogs, and various websites
- Through the use of “cookies” or similar technologies (“cookies” are data files stored on your computer or device which contain information relating to your usage of our websites)
- Through letters
- When we enter into any contract with you
- When you enter our premises or locations under our control
- When you use any space and/or facility that we provide or make accessible to you
- When you participate in our programmes and events and/or the programmes and events of our affiliates
- From your usage of information we provide to you and/or your usage of our products and/or services; and/or from your usage of the products and/or services of our affiliates.

We may also collect your personal data from third parties such as publicly accessible sources:

- Legal databases or records
- Our affiliates

- Regulatory bodies or governmental agencies
- The registry of companies
- Credit reference agencies or similar organisations
- The media
- Marketing consultants
- Individuals connected to you such as your family members, friends, colleagues, and employers past and present
- From such sources that have your consent to share your personal data with us.

Your rights to access and correct your personal data

- It is your obligation to ensure that your personal data is current and accurate and promptly inform us of any changes.
- You have rights over your personal data and PWF respects these rights
- You have the right to request access to your personal data, to request us to correct your personal data, and to withdraw any consent you grant to use to process your personal data.
- To exercise these rights, please contact us using the contact details provided in this Privacy Policy
- When we receive such requests, we may ask you to provide further information in order for us to verify your identity.
- As part of our commitment to keep your personal data secure, if we are unable to verify the identity of the requestor, we may refuse the request.
- Please note that it may take some time for any change to your personal information to be reflected in our system and during that time, you might still receive communications from us.
- We would also like to inform you that in order for us to provide you with products, services, or information, it may be obligatory for you to provide us with certain types of personal data. Conversely, some personal data may be voluntary or optional. We will inform you of any obligatory personal data. For example, a form may indicate that certain information is obligatory. In the event that you decline to provide obligatory personal data or withdraw your consent to us using such obligatory personal data, our ability to provide you with the relevant products, services, or information may be affected.

Disclosure of your personal data

The confidentiality of your personal data is imperative to PWF. However, in order to meet the purposes above, there will be instances where we might have to disclose your personal data. The disclosure of your personal data may also involve the transfer of your personal data between different countries or geographic locations. Parties to which we may make such disclosure include our affiliates, sponsors, auditors, consultants, lawyers, and advisors; educational institutes and prospective investors; event organisers; marketing agencies and consultants, social media channels and websites; credit reference agencies; government bodies; any parties which you have given us your consent to disclose your personal data to; or any to which disclosure is provided for under applicable law or required by any relevant regulatory authority. The security of your personal data is of paramount importance to us and we have in place comprehensive security measures to safeguard your personal data.

Retention of Personal Data

We will only retain your personal data for as long as we are either required to by law or as is relevant for the purposes for which it was collected.

We will cease to retain your personal data, or remove the means by which the data can be associated with you, as soon as it is reasonable to assume that such retention no longer serves the purposes for which the personal data was collected, and is no longer necessary for any legal or business purpose.

Third Party Sites

Our online platform, including our official page and other social media pages may contain links to other websites operated by other parties, such as our business affiliates, merchants or payment gateways. We are not responsible for the privacy practices of websites operated by these other parties. You are advised to check on the applicable privacy policies of those websites to determine how they will handle any information they collect from you.

Updates to this Privacy Policy

PWF may update this Privacy Policy from time to time. We may also inform you of these amendments via e-mail, post, short message service, or other means of communication. To be aware of the latest updates, please be sure to check our website from time to time.

DASAR PRIVASI

Privasi anda adalah penting bagi kami di PWF. Polisi Privasi ini menerangkan bagaimana kami mengumpul, menggunakan dan mendedahkan data peribadi anda. Di dalam Polisi Privasi ini, sila maklum bahawa rujukan kepada “kami” dan “kita” adalah merujuk kepada Pacific West Foods (M) Sdn. Bhd.; para pekerjanya; dan mana-mana entiti yang dikawal oleh, di bawah kawalan bersama dengan, atau kawalan PWF; dan rujukan kepada “sekutu” kami adalah merujuk kepada rakan-rakan, agenagen, pembekal perkhidmatan dan kontraktor-kontraktor PWF.

Jenis-jenis data peribadi yang kami kumpul dari anda

Jenis data peribadi yang kami kumpulkan dari anda mungkin berbeza bergantung kepada sifat hubungan anda dengan pihak kami. Data peribadi yang mungkin kami kumpul dari anda termasuklah:

- Nama anda
- Nombor kad pengenalan
- Kewarganegaraan
- Kaum
- Tarikh lahir
- Umur
- Jantina
- Status perkahwinan
- Alamat kediaman
- Nombor telefon
- Alamat e-mel anda
- Butiran akaun media sosial, atau butiran mana-mana akaun yang anda mungkin ada dengan mana-mana laman sesawang atau aplikasi mudah alih
- Lokasi geografi anda
- Alamat protokol internet komputer anda dan apa-apa maklumat lain yang mengenalpasti mana-mana komputer dan/atau alat mudah alih yang anda guna untuk berinteraksi dengan kami
- Butiran kewangan anda termasuk butiran akaun bank
- Apa-apa rekod penyertaan anda di dalam acara dan/atau program yang dianjurkan atau dikendalikan oleh kami
- Maklumat keselamatan sosial dan cukai anda
- Kepercayaan agama anda
- Anutan politik
- Keahlian dengan mana-mana pertubuhan
- Rekod jenayah anda atau apaapa rekod di mana anda menjadi subjek siasatan, tuntutan atau sekatan
- Sejarah pendidikan anda dan kelayakan profesional
- Pekerjaan dahulu dan sekarang anda
- Maklumat berkaitan dengan pemilikan atau ekuiti mana-mana syarikat
- Maklumat perubatan anda termasuk keadaan fizikal dan mental
- Maklumat biometrik anda
- Rakaman video dan gambar-gambar anda

Kami juga mungkin akan mengumpul data peribadi yang tersebut di atas daripada pihak-pihak yang berkaitan dengan anda seperti keluarga, kawan-kawan dan rakan-rakan sekerja anda. Di mana dan apabila anda membekalkan kami dengan data peribadi orang-orang yang tersebut di atas, sila pastikan bahawa mereka telah membaca Polisi Privasi ini.

Tujuan pemprosesan data peribadi anda

PWF menggunakan data peribadi anda terutamanya:

- Membekalkan anda atau menawarkan anda maklumat, bantuan, produk-produk, dan/atau perkhidmatan, contohnya, acara dan program.
- Kami juga akan menggunakan data peribadi anda bagi tujuan menilai apa-apa permohonan atau permintaan yang anda hantarkan kepada kami
- Untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda termasuk menjalankan pemeriksaan kredit dan risiko
- Untuk menilai pengalaman, kelayakan, dan latar-belakang anda dan/atau membolehkan sekutu kami untuk membuat penilaian yang sama
- Bagi membolehkan sekutu kami membekalkan anda atau menawarkan anda maklumat, bantuan, acara, program, produk-produk, dan/atau perkhidmatan
- Untuk menjaga dan mengemaskini rekod dan fail kami
- Dalam menjalankan obligasi kontrak kami atau menguatkuasakan hak-hak kami yang termaktub atau diperuntukkan di bawah mana-mana kontrak di antara pihak kami dengan anda atau dengan mana-mana pihak lain
- Untuk mendapatkan pandangan anda dan mendapatkan tindakbalas dari anda
- Untuk memaklumkan anda tentang acara-acara, program-program, dan peluang-peluang yang mungkin menarik bagi atau memberi manfaat kepada anda
- Untuk menjana data, statistik-statistik, model-model, dan laporan untuk kegunaan dalaman kami dan/atau untuk didedahkan kepada sekutu-sekutu kami, badan-badan kerajaan, dan/atau mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan
- Untuk mencegah penipuan atau jenayah atau untuk membantu pihak berkuasa dalam penyiasatan mereka
- Untuk tujuan berkaitan dengan keselamatan sebagai sebahagian daripada mana-mana prosiding undang-undang
- Untuk mematuhi mana-mana undang-undang, garis panduan, atau arahan terpakai
- Untuk melaksanakan apa-apa fungsi yang diperuntukkan di bawah undang-undang atau menurut mana-mana pihak berkuasa kawal selia yang berkaitan.

Sumber data peribadi anda

PWF mengumpulkan data peribadi anda melalui pelbagai cara yang dilaksanakan oleh pihak kami dalam berurusan dengan anda.

- Semasa kami berjumpa dengan anda ataupun bercakap dengan anda melalui telefon
- Melalui borang-borang dan kaji selidik atau apabila anda mendaftar untuk menyertai sebarang acara atau program
- Apabila anda menyertai senarai surat menyurat, senarai e-mel, atau senarai (apa-apa bentuk) pesanan kami
- Apabila anda membekalkan kami dengan butiran-butiran anda agar kami dapat memberitahu anda tentang apa-apa acara, program, produk, dan/atau perkhidmatan; melalui e-mel, khidmat pesanan ringkas (atau apa-apa bentuk pesanan yang sama), aplikasi mudah alih, saluran media sosial, blog, dan berbagai laman web
- Melalui penggunaan “cookies” atau teknologi yang sama (“cookies” adalah fail data yang disimpan di dalam komputer anda/atau alat yang mengandungi maklumat berkaitan dengan penggunaan laman web kami)
- Melalui surat-surat
- Apabila kami memasuki apa-apa kontrak dengan anda
- Apabila anda memasuki premis atau lokasi yang berada di bawah kawalan kami
- Apabila anda menggunakan apa-apa atau mana-mana ruang dan/atau fasiliti yang kami sediakan atau memberikan laluan untuk anda
- Apabila anda menyertai apa-apa program dan acara yang kami anjurkan dan/atau apa-apa program dan acara yang dianjurkan oleh sekutu kami

- Daripada penggunaan maklumat yang kami sediakan kepada anda dan/atau penggunaan anda terhadap produk dan/atau perkhidmatan kami; dan/atau dari penggunaan produk dan/atau perkhidmatan sekutu kami.

Kami juga mungkin akan mengumpulkan data peribadi anda dari pihak ketiga seperti sumber-sumber yang boleh diakses secara umum

- Pangkalan data atau rekod yang sah
- Sekutu kami
- Badan-badan kawal selia atau agensi-agensi kerajaan
- Pejabat pendaftaran syarikat
- Agensi rujukan kredit atau organisasi yang sewaktu dengannya
- Media
- Konsultan pemasaran
- Individu-individu yang berkaitan dengan anda seperti ahli keluarga, kawan-kawan, rakan sekerja, dan majikan dahulu dan sekarang
- Daripada sumber yang mendapat kebenaran anda untuk berkongsi data peribadi anda dengan kami.

Hak anda untuk mengakses dan membetulkan data peribadi anda

- Jika terdapat sebarang perubahan pada data peribadi anda, anda adalah digalakkan untuk memaklumkan kami tentang perubahan tersebut secepat mungkin.
- Anda mempunyai hak terhadap data peribadi anda dan PWF menghormati hak tersebut.
- Anda mempunyai hak untuk meminta laluan bagi mengakses data peribadi anda, untuk meminta kami membetulkan data peribadi anda, dan menarik balik sebarang kebenaran yang anda berikan kepada kami untuk menggunakan dan memproses data peribadi anda.
- Untuk menggunakan hak-hak ini, sila hubungi kami dengan menggunakan maklumat yang tertera di dalam Polisi Privasi ini.
- Apabila kami menerima permintaan untuk menggunakan hak-hak tersebut, kami akan meminta anda untuk memberikan beberapa maklumat bagi mengesahkan identiti anda.
- Sebagai sebahagian daripada komitmen kami untuk menyimpan data peribadi anda dengan selamat, jika kami tidak dapat mengesahkan identiti peminta, kami boleh menolak permintaan tersebut. Sila ambil maklum bahawa ianya akan mengambil sedikit masa bagi menunjukkan perubahan yang diminta terhadap data peribadi di dalam sistem kami dan dalam masa itu, anda mungkin akan menerima komunikasi dari kami.

Kami juga ingin memaklumkan anda bahawa untuk membolehkan kami membekalkan anda dengan produk kami, perkhidmatan kami, atau sebarang maklumat berkaitan, anda mungkin perlu membekalkan kami dengan jenis-jenis data peribadi yang tertentu. Selain daripada data peribadi wajib yang diperlukan bagi kami membekalkan anda dengan produk kami, perkhidmatan kami atau sebarang maklumat, data peribadi yang lain juga boleh diberikan secara sukarela atau pilihan. Kami akan memaklumkan anda tentang mana-mana data peribadi yang wajib dibekalkan. Sebagai contoh, sekeping borang mungkin menunjukkan maklumat tertentu adalah wajib diisi dalam boring tersebut. Jika anda enggan memberikan data peribadi yang wajib atau menarik balik keizinan untuk membenarkan kami menggunakan data peribadi wajib tersebut, kebolehan kami untuk membekalkan anda dengan produk, perkhidmatan atau maklumat yang berkaitan mungkin akan terjejas.

Pendedahan data peribadi anda

Kerahsiaan data peribadi anda adalah amat penting bagi PWF. Walaubagaimanapun, bagi memenuhi tujuan di atas, akan terdapat situasi-situasi di mana kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda. Pendedahan data peribadi anda mungkin juga melibatkan pemindahan data peribadi anda di antara negara-negara atau lokasi geografi yang berbeza. Pendedahan data peribadi anda mungkin akan dilakukan kepada para sekutu, penaja, juruaudit, konsultan, peguam, dan penasihat kami; institusi pembelajaran dan bakal pelabur; pengatur acara, agensi pemasaran dan konsultan; saluran media sosial dan laman-laman web; agensi rujukan kredit; badan-badan kerajaan; mana-mana pihak yang anda memberi kebenaran kepada kami untuk mendedahkan data peribadi anda; atau mana-mana pihak yang mana pendedahan diperuntukkan di bawah undangundang atau dikehendaki oleh penguatkuasa kawal selia yang berkenaan. Keselamatan data peribadi anda adalah sangat penting bagi kami dan kami mempunyai langkah-langkah keselamatan yang menyeluruh untuk melindungi data peribadi anda.

Penyimpanan data peribadi anda

Kami hanya akan menyimpan data peribadi anda selama tempoh yang dikehendaki oleh undangundang atau selama tempoh selagi mana data peribadi tersebut diperlukan bagi maksud yang baginya data peribadi itu hendak diproses.

Kami akan berhenti menyimpan data peribadi anda, atau akan menghapuskan butir-butir yang mana data peribadi tersebut boleh dikaitkan dengan anda, sebaik sahaja ia menjadi munasabah untuk kami andaikan bahawa data peribadi tersebut tidak lagi dikehendaki bagi maksud yang baginya data peribadi itu dikumpul, dan apabila penyimpanan data peribadi tersebut tidak lagi diperlukan sama ada di bawah undang-undang atau bagi apa-apa tujuan perniagaan.

Laman web pihak ketiga

Platform dalam talian kami, termasuk laman web rasmi dan halaman-halaman media sosial kami mungkin mengandungi pautan ke laman-laman web yang dikendalikan oleh pihak ketiga, termasuk sekutu kami, para pedagang lain atau gerbang-gerbang pembayaran. Sila ambil maklum bahawa kami tidak bertanggungjawab terhadap dasar, amalan dan/atau polisi privasi bagi laman-laman web yang dikendalikan oleh pihak ketiga. Anda adalah dinasihatkan untuk menyemak polisi privasi laman-laman web tersebut untuk memastikan dan mengetahui dengan lebih lanjut bagaimana mereka akan mengendalikan data peribadi yang mereka kumpul daripada anda.

Kemaskini Polisi Privasi

PWF mungkin akan mengemaskini Polisi Privasi ini dari masa ke semasa. Kami juga akan memaklumkan anda tentang sebarang pindaan kepada Polisi Privasi ini melalui e-mel, pos, perkhidmatan pesanan ringkas, atau lain-lain cara komunikasi. Untuk mengetahui maklumat yang terkini, sila layari laman web kami dari semasa ke semasa.

